

Headline	Sara ibu hasil jual dadah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	23	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,956
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,868



Sara ibu hasil jual dadah

>>Oleh Shahrul Nizam Mohamad
am@hmetro.com.my

TEMERLOH: Walaupun baru dibebaskan dari penjara bulan lalu, seorang lelaki sangup menjadikan wang hasil jualan dadah secara kecil-kecilan sebagai belanja untuk menyara ibunya yang sudah tua.

Lelaki berusia 36 tahun yang disahkan positif HIV itu dipenjara atas kesalahan mengedar dadah dan dilepaskan bulan lalu, tetapi tidak serik malah masih menjadikan dadah sebagai 'makanan' hariannya selain turut mengedar bahan berkenaan kepada penagih di sekitar bandar ini.

Wang hasil jualan bahan itu digunakan lelaki terbabit untuk belanja sehari-hari selain menanggung ibu tuanya yang tinggal di Kampung Bintang, dekat sini, tetapi kegiatannya itu berjaya dihidu polis yang melakukan serbuan pada jam 1.30 pagi kelmarin ke atas sebuah rumah dua tingkat kosong berhampiran rumahnya yang dijadikan markas lelaki terbabit.

Markas itu bukan saja tempat untuk lelaki berkenaan membungkus dan mengedarkan da-

dah, tetapi turut menjadi 'syurga' buat beberapa penagih yang sering ke lokasi itu untuk melepaskan gian masing-masing.

Dalam serbuan itu, lelaki berkenaan ditahan polis walaupun pada satu ketika, dia hampir dapat memperdayakan pihak berkuasa dengan meniarap di dalam kawasan semak berhampiran rumahnya ketika polis masuk menyerbu.

Bagaimanapun, gara-gara masih lagi 'lalok' akibat mengambil dadah, lelaki itu tersungkur beberapa kali ketika cuba melarikan diri selepas polis dapat mengesan kelibatnya di dalam semak berkenaan.

Lelaki itu juga cuba bertindak agresif terhadap polis yang menahannya, tetapi kudratnya yang dipengaruhi dadah gagal mengatasi kepungan polis.

Pemeriksaan ke atas beg galas dibawanya, polis menemui lima paket heroin seberat 5.2 gram yang dianggarkan bernilai RM500 serta dua biji pil Eramine 5 berharga RM60 serta beberapa peralatan menghisap dadah.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Md Nor Mansor berkata, serbuan ke atas rumah

tinggal yang dijadikan markas menghisap dadah itu gagal membawa sebarang penemuan selepas semua penagih yang berkumpul di rumah berkenaan berpecah melarikan diri dan meninggalkan dua motosikal.

"Bagaimanapun, polis percaya ada sebahagian penagih itu bersembunyi di kawasan semak berhampiran rumah kosong itu dan memerangkap mereka. Ketika mahu melakukan pemeriksaan di luar rumah, polis terlihat kelibat seorang lelaki yang mengintai dari dalam semak dalam keadaan mencurigakan.

"Ketika anggota polis meluru ke arah semak itu, lelaki terbabit bangun dan cuba melarikan diri, namun dia tersungkur beberapa kali dan akhirnya ditahan.

"Polis turut menemui beberapa tiub straw kosong yang digunakan untuk membungkus dadah serta hampir 30 pemetik api dan beberapa jarum suntik di dalam beg galas lelaki itu," katanya.

Menurutnya, lelaki itu mengaku dia dan rakan menyedari kehadiran polis sebelum nekad meniarap di celah semak untuk menyembunyikan diri.

Katanya, pengedar terbabit

bersama semua barang rampasan itu dibawa ke IPD Temerloh untuk siasatan lanjut manakala lelaki itu sudah ditahan reman selama tujuh hari bagi membolehkan pihaknya menjalankan siasatan mengikut Seksyen 39A (2) dan Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

“

Ketika anggota polis meluru ke arah semak itu, lelaki terbabit bangun dan cuba melarikan diri namun dia tersungkur beberapa kali dan akhirnya ditahan”

>Asisten Komisioner Md Nor Mansor
Ketua Polis Daerah Temerloh



Headline	Sara ibu hasil jual dadah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	23	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	381 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,956
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,868

